

JKDM Kelantan buru 700 syarikat 'liat' bayar GST

UM 6/9

KOTA BHARU 5 Sept. - Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) negeri memburu 700 daripada 7,684 syarikat berdaftar dengan cukai barang dan perkhidmatan (GST) yang dikategorikan sebagai 'liat' membayar cukai.

Pengarahnya, Mohd. Nasir Yusoff berkata, kesemua syarikat tersebut akan diperiksa secara terperinci di bawah Operasi Strategi Lautan Biru Kastam (Op CBOS) yang dilakukan secara berperingkat mulai 1 September lalu.

"Kita sasarkan sebanyak RM11 juta nilai cukai mampu dikutip menerusi operasi berkenaan.

"Hasil pemantauan yang dilakukan kita mendapati hanya 1,000 syarikat daripada jumlah keseluruhan yang aktif membayar cukai," katanya kepada pemberita selepas pelancaran Op CBOS Peringkat Kelantan di Wisma Kastam, Jalan Padang Bongor, di sini semalam.

Menurut Mohd. Nasir, operasi peringkat pertama ke atas



Kita sasarkan sebanyak RM11 juta nilai cukai mampu dikutip menerusi operasi berkenaan. Hasil pemantauan yang dilakukan kita mendapati hanya 1,000 syarikat daripada jumlah keseluruhan yang aktif membayar cukai."

MOHD. NASIR YUSOFF
Pengarah JKDM Kelantan

700 syarikat itu membabitkan 25 pegawai dan bakal berakhir pada 31 Disember depan.

Katanya, tujuan Op CBOS diadakan bagi memberi kesedaran kepada syarikat berdaftar ten-

tang keseriusan JKDM dalam menguatkuasakan undang-undang berkaitan GST.

"Dalam operasi ini, dua bahagian JKDM akan terbabit iaitu Bahagian Pematuhan GST dan penguat kuasa," katanya.

Kata Mohd. Nasir, pegawai daripada dua bahagian itu akan membuat pemeriksaan berkaitan dengan penyata bayaran dan penipuan dokumen, resit ataupun invoice.

"Kita akan menggunakan segala kepakaran yang ada yang mana verifikasi akan dilakukan dan sekiranya wujud kes, tindakan akan diambil termasuk tuntutan di mahkamah. Kita mahu pastikan hasil yang dikutip daripada rakyat akan dibayar sebagai cukai kepada kerajaan.

"Pihak yang dikesan melakukan kesalahan akan dikenakan tindakan mengikut Seksyen 46(1) Akta GST 2014 yang boleh membawa hukuman denda dan penjara," katanya.